BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 09/07/09

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1830 pada hari Jumaat, 28 September 2007

Perkembangan Monetari dan Kewangan Ogos 2007
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Pembiayaan kasar kepada sektor swasta terus kukuh berikutan pertumbuhan pengeluaran pinjaman sistem perbankan yang tinggi pada bulan Ogos.

- Penunjuk pinjaman utama sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang positif pada bulan Ogos.

- Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) bersih institusi perbankan menurun lagi kepada 3.6% pada bulan Ogos.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 09/07/09

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1830 pada hari Jumaat, 28 September 2007

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN OGOS 2007

Pada bulan Ogos, pembiayaan kasar kepada sektor swasta terus kukuh berikutan pengeluaran pinjaman sistem perbankan yang tinggi pada bulan itu. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul mengembang pada kadar tahunan 8.0%. Bagi sistem perbankan, penunjuk pinjaman utama sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus mencatat pertumbuhan tahunan positif, dan jumlah pinjaman terkumpul berkembang 8.6% pada asas tahunan.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil pada bulan Ogos dan September. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan terus tidak berubah, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) pula naik sedikit pada bulan Ogos.

Pada tempoh 1 Ogos - 27 September, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) dan mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama lain, mencerminkan aliran perdagangan dan pelaburan dua hala. Ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling (1.8%) namun menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (1.8%) dan euro (2.0%). Ringgit dan mata wang serantau lain, menyusut nilai pada separuh pertama bulan Ogos disebabkan peralihan dalam pengagihan aset oleh pelabur global ekoran perkembangan dalam pasaran subprima dan pasaran perumahan AS serta pasaran kredit global. Walau bagaimanapun, trend ini berubah apabila pasaran kewangan Asia memberikan tindak balas yang menggalakkan ekoran penurunan dalam kadar diskaun oleh Federal Reserve AS pada17 Ogos, dan seterusnya, jangkaan pasaran terhadap penurunan dalam kadar Fed Funds utama. Keputusan Federal Reserve AS untuk menurunkan kadar Fed Funds, dan kadar diskaun sebanyak 50 mata asas pada 18 September bagi mengurangkan beberapa kesan buruk akibat krisis dalam pasaran kredit terhadap ekonomi, turut memperkuat trend pengukuhan mata wang serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.4% -2.3% tetapi menyusut nilai sedikit berbanding dengan dolar Singapura (0.2%).

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna meningkat kepada 1.9% pada bulan Ogos. Kenaikan inflasi terutamanya disebabkan oleh kategori *makanan dan minuman bukan beralkohol*, dan juga kadar inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *restoran dan hotel, dan perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan*.

Wang secara kecil atau M1 meningkat 17.8% pada bulan Ogos disebabkan wang dalam edaran dan penempatan deposit permintaan yang lebih tinggi. Wang secara luas atau M3 mengembang lebih sederhana pada kadar 11.8%. Pada asas bulanan, M3 bertambah terutamanya disebabkan tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih tinggi dan operasi Kerajaan yang mempunyai kesan pengembangan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) pada 13.3%. Nisbah NPL bersih terus menurun kepada 3.6%, ekoran pengurangan sebanyak 19% dalam NPL baharu

dan hapus kira hutang yang berterusan, khususnya dalam sektor pembinaan, perkilangan dan runcit.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh 1 Ogos - 27 September, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) bank perdagangan secara relatif terus tidak berubah pada bulan Ogos dan September. Pada 8 September 2007, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 3.08% dan 3.70%. Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, BLR purata tidak berubah pada 6.72%, manakala ALR naik sedikit kepada 6.35% pada bulan Ogos (6.34% pada bulan Julai).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil



Kadar antara bank lain secara relatif terus stabil



Bank Negara Malaysia menyuntik mudah tunai ke dalam sistem pada bulan Ogos, terutamanya bagi mengimbangi kesan penyusutan operasi luaran



ALR bank perdagangan naik sedikit



Nisbah pembiayaan-deposit dan nisbah pinjaman-deposit meningkat pada bulan Ogos kerana penurunan dalam deposit, sementara pembiayaan terus bertambah pada kadar yang stabil



Kadar FD purata tidak berubah



Kadar FD 3 bulan benar menjadi sederhana disebabkan kenaikan inflasi

Prestasi ringgit bercampur-campur

Pada tempoh 1 Ogos - 27 September, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) dan mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama lain, mencerminkan aliran perdagangan dan pelaburan dua hala. Ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling (1.8%) namun menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (1.8%) dan euro (2.0%). Ringgit dan mata wang serantau lain, menyusut nilai pada separuh pertama bulan Ogos disebabkan peralihan dalam pengagihan aset oleh pelabur global ekoran perkembangan dalam pasaran subprima dan pasaran perumahan AS serta pasaran kredit global. Walau bagaimanapun, trend ini berubah apabila pasaran kewangan Asia memberikan tindak balas yang menggalakkan ekoran penurunan dalam kadar diskaun oleh Federal Reserve AS pada17 Ogos, dan seterusnya, jangkaan pasaran terhadap penurunan dalam kadar Fed Funds utama. Keputusan Federal Reserve AS untuk menurunkan kadar Fed Funds, dan kadar diskaun sebanyak 50 mata asas pada 18 September bagi mengurangkan beberapa kesan buruk akibat krisis dalam pasaran kredit terhadap ekonomi, turut memperkuat trend pengukuhan mata wang serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.4% -2.3% tetapi menyusut nilai sedikit berbanding dengan dolar Singapura (0.2%).



Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS



Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 06	Jul 07	Ogos 07	27 Sep 07	Akhir Dis 06 - 27 Sep 07	Akhir Jul 07 - 27 Sep 07
Dolar AS	3.5315	3.4540	3.5035	3.4190	3.3	1.0
Euro	4.6460	4.7380	4.7860	4.8336	-3.9	-2.0
Paun sterling	6.9315	7.0197	7.0601	6.8954	0.5	1.8
100 yen Jepun	2.9675	2.9044	3.0259	2.9583	0.3	-1.8
Dolar Singapura	2.3028	2.2851	2.3007	2.2890	0.6	-0.2
100 baht Thailand	9.8111	10.2114	10.2054	9.9810	-1.7	2.3
100 peso Filipina	7.2027	7.6180	7.5062	7.5910	-5.1	0.4
100 rupiah Indonesia	0.0393	0.0376	0.0372	0.0374	4.9	0.4
100 won Korea	0.3797	0.3756	0.3728	0.3713	2.3	1.1
Renminbi China	0.4523	0.4566	0.4640	0.4549	-0.6	0.4

Inflasi terus pada paras rendah 1.9%

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat kepada 1.9% pada bulan Ogos 2007. Kenaikan inflasi terutamanya disebabkan oleh kategori *makanan dan minuman bukan beralkohol* yang mencatat kenaikan sebanyak 2.8% pada bulan Ogos berbanding dengan kenaikan sebanyak 2.3% pada bulan Julai. Kadar inflasi barangan dalam kategori

restoran dan hotel, dan *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan* juga lebih tinggi pada 4.2% dan 2.3% pada bulan Ogos (Julai: 3.8% dan 2.1%). Namun, kategori *pakaian dan kasut* dan *komunikasi* terus mencatat penurunan harga.



Inflasi terus pada paras rendah 1.9%, pada bulan Ogos



Inflasi harga pengeluar menjadi sederhana pada bulan Julai

Pada bulan Julai, kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menjadi sederhana kepada 2.6% (Jun: 3%). Ini terutamanya disebabkan oleh kadar inflasi sektor bukan berkaitan komoditi yang lebih rendah yang mengimbangi sebahagiannya kenaikan kadar inflasi sektor berkaitan komoditi.

Indeks Harga Pengeluar



Nota: Pada bulan Julai 2007, Indeks Harga Pengeluar telah disemak semula oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kadar kenaikan IHPR menjadi sederhana pada bulan Julai

M3 mengembang pada asas tahunan

Wang secara kecil atau M1 meningkat 17.8% pada bulan Ogos (Julai: 18.5%), disebabkan wang dalam edaran dan penempatan deposit permintaan yang lebih tinggi. Wang secara luas atau M3 mengembang lebih sederhana pada kadar 11.8% (Julai: 13.4%). Pada asas bulanan, M3 berkembang terutamanya disebabkan tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih tinggi, disokong oleh pemberian pinjaman yang lebih tinggi dan juga pemegangan PDS oleh bank. Tuntutan bersih terhadap Kerajaan juga memberikan kesan pengembangan atas M3 memandangkan Kerajaan mengeluarkan depositnya daripada Bank Negara Malaysia bagi membiayai perbelanjaan pada bulan tersebut. Sebaliknya, operasi luaran bersih memberikan kesan penyusutan atas M3, mencerminkan kemerosotan dalam aset bersih asing sistem perbankan.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 07	**Jun 07**	**Jul 07**	**Ogos 07**
M3	2.8	-10.6	11.3	1.7
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-7.2	-8.1	5.8	6.6
Tuntutan ke atas sektor swasta	2.8	7.0	17.0	7.3
Pinjaman	*2.7*	*2.1*	*3.3*	*5.4*
Sekuriti	*-4.7*	*0.3*	*1.5*	*1.9*
Operasi luar bersih *	24.2	-6.4	-3.9	-7.1
Pengaruh lain	-17.0	-3.2	-7.6	-5.1

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan lebih rendah pada bulan Ogos

Jumlah deposit dengan sistem perbankan menyusut sebanyak RM5 bilion pada bulan Ogos dengan mencatat pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sebanyak 12.2% (Julai: 14.2%). Pengeluaran deposit kebanyakannya adalah oleh institusi kewangan, termasuk institusi kewangan bukan bank domestik. Mengikut jenis, penurunan dalam deposit adalah terutamanya dalam instrumen deposit boleh niaga (negotiable instruments of deposits, NID), deposit tetap dan sebahagian kecilnya, repo. Terdapat peralihan yang besar daripada NID dan deposit tetap sektor perniagaan kepada deposit pasaran wang jangka pendek, yang telah menyumbang kepada kenaikan dalam “deposit lain”.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 07	**Jun 07**	**Jul 07**	**Ogos 07**
Kerajaan Persekutuan	-492	4,116	-1,732	-381
Kerajaan Negeri	-100	-265	643	779
Badan Berkanun [1]	2,942	-3,047	791	-291
Institusi Kewangan	3,193	-14,978	-11,737	-10,140
Perusahaan Perniagaan	-769	2,531	5,798	2,404
Individu	2,955	1,590	1,166	2,506
Lain-lain [2]	-733	-3,287	-550	118
Jumlah	6,996	-13,341	-5,621	-5,004

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 07	**Jun 07**	**Jul 07**	**Ogos 07**
Deposit tetap	6,079	-1,315	3,606	-5,243
NID	1,538	-16,757	-18,354	-7,179
Deposit permintaan	1,551	2,570	1,312	781
Deposit tabungan	-193	938	471	63
Perjanjian beli balik (Repo)	-4,437	-29,221	-31,375	-2,495
Deposit mata wang asing	-1,883	2,096	-561	418
Deposit SPI	2,620	96	1,240	2,011
Lain-lain[1]	1,721	28,252	38,039	6,640
Jumlah	6,996	-13,341	-5,621	-5,004

1/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Pembiayaan kepada sektor swasta

Pada bulan Ogos, pembiayaan kasar kepada sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM53.8 bilion (Julai: RM69.1 bilion). Selepas mencatat paras yang secara relatif lebih tinggi pada bulan sebelumnya, pembiayaan kasar masih lagi kukuh berikutan pertumbuhan pengeluaran pinjaman sistem perbankan yang tinggi pada bulan itu. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul mengembang pada kadar tahunan 8.0% (Julai: 7.9%).



Pembiayaan kasar sektor swasta berjumlah RM53.8 bilion



Penunjuk pinjaman utama secara relatif terus stabil pada bulan Ogos

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Julai	Ogos	Julai	Ogos
Jumlah				
Permohonan pinjaman	39.0	41.7	55.5	52.5
Kelulusan pinjaman	25.5	25.2	77.4	54.5
Pengeluaran pinjaman	65.0	52.9	48.6	26.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	17.7	5.4	8.2	8.6
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	21.2	22.3	59.4	51.7
Kelulusan pinjaman	14.4	13.4	109.0	71.8
Pengeluaran pinjaman	49.2	37.7	55.2	27.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	15.8	2.8	12.2	12.8
PKS				
Permohonan pinjaman	9.0	9.9	61.3	47.8
Kelulusan pinjaman	5.6	5.3	93.6	30.0
Pengeluaran pinjaman	11.7	12.3	1.5	5.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.1	1.3	4.8	5.9
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	17.7	19.4	51.3	54.0
Kelulusan pinjaman	11.1	11.8	48.0	38.8
Pengeluaran pinjaman	15.8	15.2	31.7	24.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.0	3.4	7.2	7.2

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

Penunjuk pinjaman bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus mencatat pertumbuhan tahunan yang positif



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Penunjuk pinjaman utama bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang positif pada bulan Ogos. Dalam sektor perniagaan, kadar pertumbuhan permohonan dan kelulusan pinjaman yang positif dilihat dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perniagaan besar, dengan pinjaman yang dimohon dan diluluskan adalah untuk sektor perkilangan; sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; dan sektor pertanian. Pengeluaran pinjaman perniagaan lebih rendah, terutamanya disebabkan oleh faktor yang berlaku sekali sahaja pada bulan Julai, iaitu pengeluaran pinjaman yang banyak di bawah kemudahan pinjaman penyambung bersindiket. Sementara itu, pengeluaran pinjaman sektor isi rumah secara relatif terus stabil. Pinjaman dikeluarkan terutamanya untuk pembelian harta kediaman, dan sebahagian kecilnya untuk pembelian kereta penumpang.

Jumlah pinjaman terkumpul mengembang 8.6% pada asas tahunan pada akhir bulan Ogos (akhir Julai: 8.2%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing meningkat pada kadar tahunan sebanyak 12.8% dan 7.2% (akhir Julai: masing-masing 12.2% dan 7.2%).

Dana yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal pada bulan Ogos berjumlah RM6.2 bilion. Ini merupakan suatu perkembangan yang baik berbanding dengan kedudukan penebusan bersih sebanyak RM265 juta pada bulan sebelumnya. Sektor awam memperoleh sejumlah besar daripada dana tersebut melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 tahun. Secara keseluruhan, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM3.6 bilion. Sementara itu, dana kasar yang diperoleh sektor swasta adalah sebanyak RM4.0 bilion. Sejumlah besar daripada dana ini diperoleh melalui terbitan PDS. Sektor kewangan dan telekomunikasi mencakupi 81 peratus daripada jumlah terbitan PDS. Dalam pasaran ekuiti, dana yang diperoleh melalui terbitan awam awal meningkat daripada RM131 juta pada bulan Julai kepada RM252 juta pada bulan Ogos. Selepas menyelaras bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh dalam sektor swasta berjumlah RM2.6 bilion pada bulan Ogos.



KLCI meningkat kukuh berikutan pembetulan dalam pasaran ekuiti global

Pada bulan Ogos 2007, KLCI merosot 7.26% daripada bulan sebelumnya apabila kegawatan mungkir gadai janji subprima merebak ke pasaran kewangan seluruh dunia dan rantau Asia. KLCI mencecah paras terendah 1,191.6 pada 17 Ogos namun selepas itu pulih untuk ditutup pada 1,273.9 pada akhir bulan Ogos kerana asas-asas pasaran domestik terus mantap. Permodalan pasaran merosot kepada

RM985 bilion (sejak akhir bulan Julai: RM1,077.3 bilion) manakala urus niaga purata harian menurun kepada 1,232.5 juta unit (Julai: 1,510.8 juta unit).



Pasaran ekuiti serantau meningkat kukuh selepas pembetulan pasaran global

Pada 27 September 2007, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,335.7 mata (sejak akhir Ogos: 4.8%). Permodalan pasaran keseluruhan lebih tinggi pada RM1,030.1 bilion (sejak akhir Ogos: 4.6%), dan aktiviti dagangan lebih rendah dengan urus niaga purata harian sebanyak 942.8 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM334.1 bilion (bersamaan USD96.8 bilion) pada 30 Ogos 2007. Pada 15 September 2007, rizab meningkat kepada RM334.9 bilion atau bersamaan USD97 bilion. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.8 bulan import tertangguh dan ialah 7.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Permodalan kukuh dalam keadaan pinjaman tak berbayar yang terus menurun

Permodalan sistem perbankan terus kukuh. RWCR dan nisbah modal teras masing-masing menjadi lebih kukuh pada 13.3% dan 10.4% pada akhir bulan Ogos 2007. Ini terutamanya disebabkan oleh kemasukan keuntungan tertahan sebuah bank besar yang mengatasi pertumbuhan lebih sederhana sebanyak 0.9% dalam aset wajaran risiko. Paras NPL pula terus bertambah baik. Nisbah NPL bersih menurun lagi kepada 3.6% daripada pinjaman bersih. Perkembangan positif ini didorong oleh pengurangan sebanyak 19% dalam NPL baharu dan hapus kira pinjaman yang berterusan, terutamanya dalam sektor pembinaan, perkilangan dan runcit.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	Jun 07	Jul 07	Ogos
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.1	10.4
RWCR	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.3	13.1	13.3
NPL bersih										
(klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	4.1	3.8	3.6
Jumlah (RM juta)	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	24,067	23,412	22,389
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih										
(3 bulan, %)	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Paras permodalan sistem perbankan terus memberangsangkan …



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…manakala paras NPL terus menurun

Bank Negara Malaysia
28 September 2007

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jun 07		Jul 07		Ogo 07	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		59.1	10.6	59.3	10.4	61.8	13.2
M1		149.4	16.2	152.3	18.5	154.3	17.8
M2		750.0	13.0	758.7	13.3	760.6	11.7
M3		788.6	12.6	799.9	13.4	801.6	11.8
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		839.8	16.2	834.2	14.2	829.1	12.2
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		614.0	6.0	631.7	8.2	637.1	8.6
Nisbah pinjaman-deposit (%)		70.6		73.4		74.6	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		79.2		81.8		83.0	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		45.3	78.7	39.0	55.5	41.7	52.5
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		32.2	80.6	25.5	77.4	25.2	54.5
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		50.0	13.1	65.0	48.6	52.9	26.5
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		43.4	11.9	45.4	17.0	46.9	18.0
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.3		13.1		13.3	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.1		3.8		3.6	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		339.8		340.0		334.1	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		98.4		98.5		96.8	
Bilangan bulan import tertangguh		8.9		8.9		8.8	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.50 [3.50]		3.49 [3.50]		3.49 [3.49]	
	Seminggu	3.53 [3.52]		3.52 [3.52]		3.51 [3.52]	
	1 bulan	3.55 [3.54]		3.57 [3.55]		3.55 [3.54]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.09		3.08		3.08	
	3 bulan	3.17		3.15		3.15	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.49		6.34		6.35	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		105.3	1.4	105.7	1.4	105.9	1.9
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		131.5	4.4	132.2	4.2	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.4545		3.4540		3.5035	
Euro		4.6425		4.7380		4.7860	
Paun Sterling		6.9171		7.0197		7.0601	
100 Yen Jepun		2.8000		2.9044		3.0259	
Dolar Singapura		2.2547		2.2851		2.3007	
100 Baht Thailand		10.000		10.2114		10.2054	
100 Peso Filipina		7.4692		7.6180		7.5062	
100 Rupiah Indonesia		0.0382		0.0376		0.0372	
100 Won Korea		0.3732		0.3756		0.3728	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	5.0		3.6		0.0	
	swasta	3.9		-3.9		0.0	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,354.4		1,373.7		0.0	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		1,088.3		1,077.3		0.0	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.